

Membentuk bangsa berorientasi glocal

BH- 17/11/2007

Pembinaan Negara Bangsa penting bagi mewujudkan identiti nasional

Teras 1

Oleh Azman Zakaria

PEMBINAAN Negara Bangsa menerusi pendidikan dalam tempoh Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010 akan memfokuskan kepada empat perkara, termasuk memperkasa bahasa kebangsaan.

Menurut PTPP, tiga lagi ialah memantapkan perpaduan negara dan integrasi nasional; memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa; serta persefahaman jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari.

Strategi yang dilaksanakan bertujuan menggerakkan gelombang baru Gerakan Memperkasa Bahasa Kebangsaan; memantapkan pelaksanaan Dasar Buku Negara; menyelaraskan peranan semua pihak yang terbabit untuk menggiatkan aktiviti kebahasaan, kesusasteraan, pengkaryaan, penterjemahan dan penerbitan; serta mewujudkan Bulan Bahasa dan Sastera Negara.

Strategi pelaksanaan untuk memantapkan perpaduan negara dan integrasi nasional adalah menerusi usaha meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman rakyat Malaysia supaya menghormati Perlembagaan.

Ia juga bertujuan meningkatkan patriotisme menerusi aktiviti kokurikulum seperti Kelab Rukun Nega-

ra, penyebaran maklumat dan Kempen Cintakan Warisan Bangsa dan Negara, serta menanam semangat hormat menghormati dan peka terhadap sensitiviti masyarakat pelbagai kaum.

Selain itu kefahaman yang menyeluruh diberi mengenai pentingnya semangat kejiwaan ke arah perpaduan dan integrasi nasional, manakala aktiviti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (Rimup) dipergiatkan.

Dalam usaha memupuk kecintaan seni, warisan dan budaya bangsa, strategi yang dilaksanakan adalah membina kurikulum kesenian, membina Sekolah Seni, meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ser-

ta membudayakan tulisan Jawi.

Strategi yang dilaksanakan untuk memupuk persefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari adalah dengan mempelbagaikan aktiviti membimbing pelaksanaan Islam Hadhari menerusi seminar, ceramah, kursus dan penerbitan bacaan.

Pembinaan Negara Bangsa amat penting bagi memastikan identiti nasional yang dihasratkan tercapai memerlukan usaha gigih dan kerjasama erat daripada semua pihak.

Semangat bersatu padu, cinta dan kesetiaan kepada negara, patriotisme, berorientasi glocal, keharmonian dan toleransi, berbudi bahasa dan beradab serta memahami, menyanjung budaya dan seni bangsa perlu difahami dan diamalkan sepenuhnya.